Elite Agriculture Sdn Bhd lwn Hajemi bin Din dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — SAMAN PEMULA NO CB-24NCVC-140–10 TAHUN 2020
ROSLAN MAT NOOR PK
16 APRIL 2021

Prosedur Sivil — Permohonan — Permohonan untuk penangguhan — Penangguhan pelaksanaan penghakiman — Sama ada terdapat keadaan khas yang mewajarkan penggantungan prosiding — Sama ada dakwaan bahawa tanah kes berkaitan tanah adat orang asli adalah keadaan istimewa — Sama ada defendan-defendan mempunyai peluang untuk berjaya dalam rayuan — A 89 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Ini merupakan permohonan defendan-defendan untuk menangguhkan pelaksanaan perintah mahkamah pada 16 Februari 2021 sehingga keputusan muktamad oleh Mahkamah Rayuan. Pada 16 Februari 2021, Mahkamah Tinggi Temerloh telah membenarkan permohonan pemilikan kosong HSD 9781, No PT 9492, Mukim Bera, Daerah Bera, Negeri Pahang di bawah A 89 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Defendan-defendan menghujahkan bahawa mereka mempunyai kes yang baik untuk berjaya di Mahkamah Rayuan kelak dan tindakan mereka adalah bersangkutan dengan tanah adat orang asli dan hak asasi masyarakat orang asli. Defendan-defendan juga menyatakan bahawa mereka mempunyai merit di dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan. Isu yang berbangkit untuk di tentukan di Mahkamah Tinggi ialah sama ada defendan-defendan telah menunjukkan terdapat keadaan khas yang mewajarkan penggantungan prosiding.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Di dalam kes ini tiada apa-apa keterangan di dalam afidavit yang menunjukkan kedudukan defendan-defendan yang dapat mengukuhkan dakwaan bahawa mereka akan berjaya di dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan kelak. Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat ia tidak mencukupi untuk menunjukkan satu keadaan khas bagi membolehkan perintah penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah pada 16 Februari 2021 tersebut (lihat perenggan 20).

[English summary

This was an application by the defendants to stay the execution of the court order on 16 February 2021. On 16 February 2021, Temerloh High Court allowed the application for vacant possession over HSD 9781, No PT 9492, Mukim Bera, District of Bera, State of Pahang under O 89 r 1 of the Rules of

A Court 2012 ('the ROC'). The defendants contended that they had a good case to succeed in the Court of Appeal and that their claims wereconcerned with indigenous customary lands and the human rights of the indigenous people. The defendants also contended that their appeal has merits. The issue to be determined by the High Court was whether the defendants have shown that there are special circumstances which justify the stay of execution of the court order.

Held, dismissing the application:

C (1) In this case, there was no evidence in the affidavit to show that the defendants will succeed in their appeal. Therefore, the court held that there was no special circumstance to allow the application for stay of execution of the court order on 16 February 2021 (see para 20).]

D **Kes-kes yang dirujuk**

Arthur Lee Meng Kwang v Faber Merlin Malaysia Bhd & Ors [1986] 2 MLJ 193, MA (dirujuk)

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor v Menteri Besar Johor & Ors [2016] 7 MLJ 1, MT (dirujuk)

E *Gordon v Gordon* [1946] 1 All ER 247, MR (diikut)

Messrs Hisham, Sobri & Kadir v Kedah Utara Development Sdn Bhd & Anor [1988] 2 MLJ 239; [1988] 1 CLJ 627 (dirujuk)

Noble Success Sdn Bhd v Kiyotake Hara [1998] MLJU 347; [1998] 3 CLJ 883, MT (dirujuk)

F *Lokman Noor bin Adam v Public Prosecutor* [2020] MLJU 1040; [2020] 10 CLJ 435, MR (dirujuk)

Folin & Brothers Sdn Bhd (in liquidation) v Wong Boon Sun & Ors and another appeal [2009] 5 MLJ 362; [2010] 4 CLJ 64, MR (dirujuk)

G *Majlis Daerah Hulu Terengganu v Tenaga Nasional Bhd and another appeal* [2021] 1 MLJ 722; [2021] 2 CLJ 1, MP (diikut)

Wee Choo Keong v MBF Holdings Bhd & Anor and another appeal [1993] 2 MLJ 217, MA (dirujuk)

H **Undang-undang yang dirujuk**

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 52 k 3

Kanun Tatacara Jenayah s 180(4)

Izharul Effendy Ramli (Ram Reza & Muhammad Chambers) bagi pihak pemohon.

I *Selvabalan (Ho Kai Ping dan Bah Tony W Hunt bersamanya) (Azman Joseph & Associates) bagi pihak responden.*

Roslan Mat Noor PK:

[1] Ini adalah permohonan defendan untuk satu kebenaran bagi permohonan komital di bawah A 52 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terhadap responden-responden yang dinamakan.

[2] Pada 16 Februari 2021, Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh telah mengeluarkan perintah milikan kosong ke atas tanah yang dikenali sebagai HSD 9781, No PT 9492 Mukim Bera, Daerah Bera, Negeri Pahang kepada pemohon.

[3] Di dalam perintah tersebut juga dinyatakan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan memastikan pemilikan kosong tanah tersebut diserahkan kepada pemohon.

[4] Permohonan kebenaran ini difailkan pada 24 Mac 2021. Di dalam alasan permohonan untuk kebenaran ini telah dinyatakan beberapa tindakan oleh responden-responden iaitu:

(a) responden-responden telah gagal mematuhi perintah tersebut apabila responden-responden gagal memberi milikan kosong, mencerobohi tanah tersebut dan mendirikan pagar dan papan tanda di atas tanah tersebut;

(b) halangan-halangan seperti papan tanda yang didirikan oleh responden-responden adalah bersifat mengancam dan mencabar hak pemohon yang tidak boleh disangkal terhadap tanah tersebut; dan

(c) pemohon telah dihalang daripada memasuki tanah tersebut oleh pihak responden-responden walaupun milikan kosong telah diberikan kepada pemohon dan responden-responden telah diperintahkan untuk mengosongkan tanah tersebut.

[5] Komital adalah satu tindakan yang serius terhadap pihak yang menghalang atau gagal mematuhi perintah mahkamah. Ia boleh membawa kesan kepada pihak yang melakukan keingkaran tersebut kepada hukuman yang menjejaskan kebebasan dirinya. Oleh sebab itu Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 telah memperuntukkan bahawa permohonan komital tidak boleh dibuat sebelum mendapat kebenaran. Malahan apabila sesuatu kebenaran diberikan menunjukkan bahawa mahkamah telah bersetuju terdapat kes prima facie. Ini telah dinyatakan oleh YAA Abdul Hamid Omar (Ketua Hakim Negara semasa itu) dalam kes *Wee Choo Keong v MBF Holdings Bhd & Anor and another appeal* [1993] 2 MLJ 217 menyatakan seperti berikut:

Prima facie case for contempt

In the appeals before us, leave to issue committal proceedings has been granted. This means that the learned High Court judge has accepted that there was a prima facie case for contempt against the appellants. It may well be that on the hearing of the Motion proper, the appellants will be acquitted of any charge of contempt. However, for purposes of the present appeals, the allegations of contempt are supported by the order for leave. In *Instituto Bancario San Paolo Di Torina SPA*, there appears to have only been an allegation of contempt without any more. Here, there is a finding of prima facie contempt which cannot be ignored. In this context, we are more inclined to accept the view expressed by Young J in *Young v Jackman* [1986] 7 NSWLR 97 where he said:

> Accordingly, it would seem from 1820 onwards that the rule that a person will not be heard when he is guilty of contempt extended as well to the case where a party was considered to be in contempt, that is, where his contempt *had prima facie been demonstrated* to the court or alternatively when he had confessed the facts which were the subject of a charge of contempt. (Emphasis added.)

We have carefully read the appeal records and especially references made therein to the conduct of the appellants in general and the conduct of the third appellant in particular. This conduct relates to the manner in which the allegations of contempt arose. From the records, we are satisfied that the learned judge had ample material before him to exercise his discretion in the manner in which he did.

[6] Keseriusan presiding komital telah disuarakan oleh Mahkamah Rayuan di United Kingdom di dalam kes *Gordon v Gordon* [1946] 1 All ER 247 melalui penghakiman Lord Green MR seperti berikut:

> Attachment and committal are very technical matters, and as orders for committal or attachment affect the liberty of the subject such rules as exist in relation to them must be strictly obeyed. However disobedient the party against whom the order is directed may be, unless the process of committal and attachment has been carried out strictly in accordance with the rules he is entitled to his freedom.
>
> Now, it is well settled law that contempt of court is an offence of a criminal character since the liberty of the alleged contemnor is at stake. That being so, it is fundamental that a man ought not to be penalised unless he has both *a fair opportunity to comply with the law and the capacity to do so*. Any other approach would not only be morally objectionable but also should have no place in a legal system based on ideas of fair play and justice.

[7] Ia telah diterima pakai oleh mahkamah di negara ini melalui penghakiman YA Edgar Joseph Jr di dalam kes *Messrs Hisham, Sobri & Kadir v Kedah Utara Development Sdn Bhd & Anor* [1988] 2 MLJ 239; [1988] 1 CLJ 627 dan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Folin & Brothers Sdn Bhd (in liquidation) v Wong Boon Sun & Ors and another appeal* [2009] 5 MLJ 362; [2010] 4 CLJ 64.

[8] Oleh yang demikian, permohonan kebenaran untuk tindakan komital tidak boleh dipandang ringan dan enteng walaupun ia adalah suatu permohonan 'ex parte'. Penelitian yang mendalam perlu dibuat terhadap alasan permohonan dan butiran yang dinyatakan sebagai asas kepada tindakan komital. Lihat *Noble Success Sdn Bhd v Kiyotake Hara* [1998] MLJU 347; [1998] 3 CLJ 883. Pada masa yang sama mahkamah juga perlu membezakan ketidakpatuhan teknikal dan ketidakpatuhan jaminan yang diberikan kepada pihak yang ingin dilakukan komital di bawah undang-undang. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Arthur Lee Meng Kwang v Faber Merlin Malaysia Bhd & Ors* (1986) 2 MLJ 193 seperti berikut:

> There is therefore a distinction in principle between cases where there have been non-observance of some safeguards laid down in O 52 RHC in the interest of the alleged contemnor, and a mere technical irregularity. Whilst the former is fatal, the latter is not. In our opinion, this is the correct principle to be applied in all contempt proceedings under O 52 RHC, which, it must be noted, is distinct from summary contempt procedure which is normally resorted to only in urgent and imperative cases, where the contempt is committed in the face of the court. (See *Cheah Cheng Hoc v Public Prosecutor* [1986] 1 MLJ 299).

[9] Jika diteliti daripada perintah bertarikh 16 Februari 2021, ia adalah berikutan daripada pemohon Elite Agriculture Sdn Bhd dengan defendan-defendan Hajemi bin Din dan penghuni-penghuni lain yang menduduki di atas tanah HSD 9781 No PT 9492, Mukim Bera, Daerah Bera, Negeri Pahang. Bagi presiding permohonan kebenaran komital ini juga pemohon dan responden-responden adalah penama yang sama seperti terdapat di dalam perintah bertarikh 16 Februari 2021.

[10] Apakah ujian dikehendaki untuk menunjukkan satu kes prima facie telah ditunjukkan bagi satu kebenaran untuk memfailkan tindakan komital? Di dalam kes *Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor v Menteri Besar Johor & Ors* [2016] 7 MLJ 1 YA Hakim Mohd Nazlan menyatakan seperti berikut:

> The exact formulation of what constitutes 'prima facie' in this context does not appear to have been definitely stated.

[11] Frasa prima facie dalam kes kemital tidak membawa maksud yang sama dengan prima facie bagi satu kes jenayah seperti yang ditaksirkan di bawah s 180(4) Kanun Tatacara Jenayah.

> (4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[12] Walaupun kesan daripada komital ini beleh menyebabkan pihak yang berkenaan dipenjarakan atau dalam erti kata lain ia adalah suatu *quasi criminal*. Namun sekiranya beban untuk membuktikan prima facie di dalam kes ini disamakan dengan kes jenayah maka adalah sukar untuk pihak yang memehen perintah kebenaran presiding kemital untuk mendapatkan kebenaran terse but. Oleh yang demikian frasa prima facie yang dimaksudkan bagi presiding A 52 k 3 KKM 2012 ini adalah sesuai untuk digunakan maksud frasa prima facie tersebut yang telah dinyatakan di dalam *Black's Law Dictionary* (7th Ed) yang menyatakan 'prima facie', adj *Sufficient to establish a fact or raise a presumption unless disproved or rebutted <a prima facie showing>*.

[13] Mahkamah mengambil perhatian garis panduan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan berkenan penggunaan kamus di dalam mentakfsirkan undang-undang seperti yang dinyatakan di dalam kes *Majlis Daerah Hulu Terengganu v Tenaga Nasional Bhd and another appeal* [2021] 1 MLJ 722 di halaman 743; [2021] 2 CLJ 1 di halaman 22 YA Mohd Zawawi Salleh menyatakan seperti berikut:

> [61] Dictionary meaning can be helpful in interpreting the meaning of the statutory language. However, if a statute deals with a technical or specialised subject (eg, hydroelectric, telecommunications, tax, etc), the words in the statute may have meaning that differ from their ordinary usage.
>
> [62] In *Dy Chief Controller of Imports and Exports New Delhi v KT Kosalram and others* [1970] (3) SCC 82, the Supreme Court of India observed thus:
>
> > In our opinion dictionary meanings, however helpful in understanding the general sense of the words cannot control where the scheme of the statute or the instrument considered as a whole clearly conveys a somewhat different shade of meaning. It is not always a safe way to construe a statute or a contract by dividing it by a process of etymological dissection and after separating words from their context to give each word some particular definition given by lexicographers and then to reconstruct the instrument upon the basis of these definitions. What particular meaning should be attached to words and phrases in a given instrument is usually to be gathered from the context, the nature of the subject matter, the purpose of the intention of the author and the effect of giving to them one or other permissible meaning on the object to be achieved. Words are after all used merely as a vehicle to convey the idea of the speaker or the writer and the words have naturally, therefore, to be so construed as to fit in with the idea which emerges on a consideration of the entire context.
>
> [63] In *Cabell v Markham* (1945) 148 F 2d 737, Justice Learned Hand stated at p 739:
>
> > Of course it is true that the words used, even in their literal sense, are the primary, and ordinarily the most reliable, source of interpreting the meaning of any writing; be it a statute, a contract, or anything else. But it is one of the surest indexes of a mature developed jurisprudence not to make a fortress out of the dictionary; but to remember that statutes always have some purpose or object to

accomplish, whose sympathetic and imaginative discovery is the surest guide to their meaning. A

Pada hemat mahkamah bagi kes ini kamus boleh digunakan bagi memahami frasa prima facie. B

[14] Di dalam kes ini takrifan prima facie yang dinyatakan di dalam *Black Law Dictionary* tersebut boleh dijadikan rujukan bagi memahami apakah yang dimaksudkan dengan prima facie supaya ianya tidak terkeliru dengan takrifan prima facie dalam konteks undang-undang jenayah. Ini bermakna mahkamah perlu menilai butiran-butiran yang dinyatakan di dalam permohonan pihak pemohon dan melihat sama ada terdapat keterangan-keterangan asas yang pada pandangan pertama mencukupi untuk menunjukkan bahawa suatu tindakan responden-responden yang boleh menjadi asas kepada satu tindakan komital oleh pemohon. C D

[15] Berdasarkan kepada takrifan pnma facie tersebut mahkamah perlu meneliti dokumen-dokumen yang difailkan oleh pihak pemohon dan mengambil kira bahawa pendengaran ini adalah ex parte dan pihak-pihak lawan belum berkesempatan untuk mengemukakan keterangan atau hujahan di hadapan mahkamah ini. Ini bermakna bahawa mahkamah hanya bergantung kepada dokumen-dokumen yang difailkan oleh pihak pemohon sahaja. E

F

[16] Di dalam notis permohonan yang disokong oleh affidavit penentusahan dan penyataan dan alasan yang diikrarkan oleh En Sazeli bin Abu Bakar yang menyatakan bahawa responden-responden telah menceroboh tanah tersebut dan menghalang pemohon daripada memasuki tanah tersebut. Butiran insiden halangan tersebut telah dinyatakan di perenggan 12(i)–(iii). G

[17] Di dalam permohonan ini juga dinyatakan perihal nama pihak-pihak yang diminta untuk dikomitkan. Pada masa yang sama juga diekshibitkan gambar-gambar di 'EASB4' berkenaan dengan halangan yang dikatakan dilakukan oleh responden-responden. Affidavit tambahan juga difailkan oleh Pemohon dengan menyertakan gambar-gambar di eksh 'EASB2', dan 'EASB3' affidavit En Sazeli Abu Bakar yang menunjukkan beberapa orang menghalang jentera yang sedang memasuki premis yang menjadi hal perkara dalam kes ini. H

[18] Pada pandangan mahkamah affidavit dan butiran yang dikemukakan setakat ini dapat menunjukkan bahawa pihak pemohon sudah tidak dapat melaksanakan perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah pada 16 Februari 2021 tersebut. Keterangan-keterangan yang ada tanpa mendengar keterangan daripada pihak responden setakat ini sudah berjaya menunjukkan I

bahawa responden-responden telah melakukan perbuatan yang boleh menjurus kepada satu presiding komital dimulakan terhadap responden-responden.

[19] Apa yang dapat dilihat daripada butiran tersebut ialah pihak pemohon dengan bantuan daripada bailif mahkamah ingin melaksanakan perintah mahkamah yang telah diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi pada 16 Februari 2021. Adalah didapati bahawa terdapat tindakan menghalang pemohon daripada melaksanakan perintah mahkamah tersebut. lni menyebabkan perintah mahkamah tersebut gagal dilaksanakan oleh pihak pemohon. Kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh tindakan yang dikatakan telah dilakukan oleh pihak responden-responden. lni dapat dilihat melaui butiran yang dinyatakan di dalam sokongan permohonan pemohon. Berdasarkan kepada fakta tersebut mahkamah berpendapat bahawa sepintas lalu fakta-fakta yang dinyatakan tersebut sudah memadai untuk menjadi asas satu tindakan komital difailkan oleh pihak pemohon. Hakikat yang tidak tapat dinafikan ialah tindakan komital ialah satu proses untuk melaksanakan perintah mahkamah yang sah. Ia juga bagi membolehkan segala perintah mahkamah dipatuhi dan dihormati oleh semua pihak. Hal ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Lokman Noor bin Adam v Public Prosecutor* [2020] MLJU 1040; [2020] 10 CLJ 435 apabila YA Hakim Ahmad Nasfy Yasin Hakim Mahkamah Rayuan menyatakan di halaman 437:

> [3] Let us pause here to state that the law of contempt is not of recent origin. It is regarded 'as sui generis has from time immemorial reposed in the judge for the protection of the public' per Salmon LJ in *Morris & Ors v Crown Office* [1970] 2 QB 114 ...
>
> [9] In the absence of the substantive legislation, the position as regards to contempt can be found in the body of case law at home and at common law. It might well be that the situation is much like an unruly horse; difficult to mount and far more difficult to ride — the position remains that it is contemptuous to scandalise the courts or to conduct oneself in a manner that has the effect of putting the administration of justice to disrepute.

[20] Akhirnya mahkamah memutuskan bahawa permohonan kebenaran untuk permohonan komital seperti lampiran 29 dibenarkan.

Permohonan defendan-defendan ditolak.

Dilaporkan oleh Michelle Yee